

Pemandu ekskavator maut tertimbus runtuh tanah

Mangsa sempat menyelamatkan diri tapi gagal berlindung daripada bongkah batu yang runtuh

Oleh ROSLINDA HASHIM
POKOK SENJA

Pemandu ekskavator yang maut tertimbus dalam kejadian tanah runtuh di sebuah tapak pembinaan di Jalan Padang Tembak, Bukit Pinang dekat sini, sempat melompat keluar dari kenderaan tersebut untuk menyelamatkan diri.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Penguasa Kanan Bomba 1, Mohamadul Ehsan Mohd Zain berkata, bagaimanapun mangsa yang dikenali sebagai Muhammad Nasir Awang Ali, 40, gagal mencari lokasi yang lebih selamat untuk berlindung daripada bongkah batu yang runtuh.

Menurutnya, mangsa ditemukan meninggal dunia pada jam 12.38 tengah



FOTO: JBPM KEDAH

Mayat mangsa diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya.

hari selepas dipercayai tertimbus di bawah runtuhannya tanah yang berlaku sekitar jam 9.30 pagi Sabtu.

"Berdasarkan maklumat daripada saksi, dia ternampak mangsa berada di tempat kejadian dan melihat mangsa melompat keluar dari kenderaan namun gagal ke lokasi yang selamat.

"Saksi turut mengatakan kedalaman mangsa tertimbus dianggarkan lebih tiga meter," katanya dalam kenyataan akhbar di sini pada Sabtu.

Menurut Mohamadul Ehsan, mangsa merupakan seorang pemandu ekskavator di tapak pembinaan tersebut dan

sedang menjalankan kerja-kerja menimbun di lokasi berkenaan.

Sebaik pasukan penyelamat tiba di lokasi kejadian, kerja-kerja mencari dan menyelamatkan (SAR) dijalankan dengan bantuan dua buah ekskavator.

"Mayat mangsa berjaya ditemukan hasil daripada perancangan dan pencarian yang dipecahkan kepada dua sektor di lokasi kejadian," katanya operasi berkenaan tamat pada jam 12.51 tengah hari.

Mohamadul Ehsan memberitahu, mayat mangsa diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG SABTU

1 REMAJA MAUT DIPUKUL BAPA KEKASIH

2 PENDAKWA RAYA MOHON SHAKIRA DIPENJARA LEBIH LAPAN TAHUN

3 SEMBILAN ANGGOTA POLIS DISIASAT KES PEMERASAN

4 SUARA LATAR ZHAFRAN UMAR TARIK PERHATIAN

5 JERSI MAN U 'BOSSKU' DILELONG RM50,000

6 KRISIS MAKANAN NEGARA DI AMBANG BAHAYA: SULTAN NAZRIN

7 DIPUKUL SELEPAS TEGUR REMAJA BUANG AIR KECIL

8 TUN MAHATHIR LEGASI 97 TAHUN

9 'BAGAI MATI HIDUP SEMULA'

10 KEPUTUSAN ROS ELAK PERPECAHAN DALAMAN